

NAMA: _____ TINGKATAN 5: _____

SEKOLAH MENENGAH AGAMA SAINS KUALA PILAH

UJIAN SETARA 1 2020

PENDIDIKAN ISLAM TINGKATAN LIMA

Bahagian A : (40 Markah)

Soalan 1 hingga soalan 20. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan A, B, C dan D. Bulatkan jawapan yang tepat pada kertas jawapan yang disertakan pada muka surat 11.

1. Berikut adalah maksud iman dari segi bahasa, **kecuali**
 - A. mengiktiraf.
 - B. membenarkan.
 - C. melakukan.
 - D. mengakui.

2. Antara yang berikut, manakah yang merupakan ciri orang yang bertambah iman?
 - A. melakukan solat fardhu
 - B. berbuat baik kepada ibu bapa.
 - C. sentiasa berzikir dan bertasbih
 - D. bersedia melakukan aktiviti riadah.

3. Anggota yang terlibat secara lansung dengan keimanan kepada Allah S.W.T. ialah...
 - A. lidah sahaja.
 - B. hati dan lidah.
 - C. kaki dan tangan.
 - D. semua di atas.

4. Pilih pernyataan yang menerangkan prinsip Ahli Sunnah Wal Jamaah.
 - A. mengkafirkan orang yang tidak mengikuti akidah mereka.
 - B. Al-Quran adalah makhluk Allah S.W.T yang paling mulia.
 - C. manusia tidak akan dapat melihat Allah S.W.T. selama-lamanya.
 - D. iman seseorang bertambah dan berkurang.

5. Di antara tokoh berikut siapakah yang memasyhurkan nama Ahli Sunnah Wal-Jamaah.

- i . Muhammad Al-Mahdi Al-Qaim
- ii . Abu Al-Hassan Al-Asyaari
- iii . Abu Mansur al-Maturidi
- iv . Zaid b. Ali Zainal Abidin.

- A. i dan ii.
- B. ii dan iii.
- C. iii dan iv.
- D. i dan iv.

6. Ahli Sunnah Wal-Jamaah juga dikenali dalam pelbagai nama **kecuali...**

- A. Ahli Sunnah
- B. As-Salafus - Saleh
- C. Ahli Al-Quran
- D. Al-Jamaah

Orang yang tidak mempunyai tuntutan mendesak untuk berkahwin dan tidak ada perkara yang mengharamkannya..

7. Keterangan di atas merujuk kepada hukum...

- A. haram berkahwin.
- B. harus berkahwin.
- C. wajib berkahwin.
- D. sunat berkahwin.

Encik Hisyam seorang yang berkemampuan dan berkeinginan untuk berkahwin, dan tidak dikhuatiri akan terjerumus ke lembah maksiat.

8. Hukum perkahwinan bagi Encik Hisyam ialah

- A. Sunat
- B. Wajib
- C. Harus
- D. Makruh

9. Berikut adalah pernyataan yang benar tentang hikmah perkahwinan dalam Islam, **kecuali...**

- A. memupuk kasih sayang.

- B. mendapat zuriat yang sah.
 - C. menyebabkan kemiskinan.
 - D. mententeramkan jiwa.
10. Berikut adalah tujuan digalakkan memilih pasangan yang berpegang kuat kepada agama, **kecuali**...
- A. perkahwinan menjadi sah.
 - B. saling nasihat-menasihati.
 - C. rumah tangga harmoni dan berkekalan.
 - D. menjamin kebahagiaan di dunia dan di akhirat.
- 11 . Siapakah pengasas Kerajaan Abbasiyah?
- A. Khalifah Abu Abbas Abdullah As-Saffah.
 - B. Khalifah Abu Jaafar Al-Mansur.
 - C. Khalifah Harun Ar-Rasyid.
 - D. Khalifah Al-Makmun.
12. Bilakah Kerajaan Abbasiyah ditubuhkan?
- A. pada tahun 128 Hijrah.
 - B. pada tahun 132 Hijrah.
 - C. pada tahun 134 Hijrah.
 - D. pada tahun 750 Hijrah.
13. Yang berikut adalah perkara yang terangkum dalam pengertian iman dari segi istilah, **kecuali**...
- A. Membenarkan dengan hati
 - B. Mengikrarkan dengan lidah
 - C. Mengamalkan dengan anggota
 - D. Memperbanyakkan amalan sunat
13. Berikut adalah merupakan faedah beradab ketika bermusafir **kecuali**...
- A. supaya aman dalam perjalanan.
 - B. mendapat berkat dalam perjalanan.
 - C. supaya cepat sampai ke destinasi.
 - D. mengelak berlakunya pertelingkahan dalam perjalanan.
14. Berikut ialah sistem pemerintahan Kerajaan Abasiyyah
- i. Al-Wazir
 - ii. Al-Wilayah

- iii. Al-Dawawin
- iv. Al-Khalifah

- A. I, II dan III
- B. I, II dan IV
- C. I, III dan IV
- D. II, III dan IV

15. Berikut adalah kepentingan iman kepada seseorang...

- I. membentuk peribadi muslim
- II. pendorong kepada semangat jihad
- III. penghalang dalam melakukan kebaikan
- IV. mencintai kehidupan dunia melebihi akhirat

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

16. Di antara contoh kufur hakikat ialah

- i. menunjuk-nunjuk kehebatan diri
- ii. tidak mengakui balasan akhirat
- iii. enggan mengeluarkan zakat dan sedekah
- iv. menolak hukum yang terdapat dalam al-Quran

- A. i dan ii
- B. i dan iii
- C. ii dan iv
- D. iii dan iv

“Mengisytiharkan dirinya keluar daripada agama Islam”

17. Pernyataan di atas boleh membawa seseorang menjadi murtad dengan cara

- A. amalan
- B. iktikad
- C. perbuatan
- D. perkataan


18. Kemanisan iman akan dapat dirasakan apabila seseorang itu ...

- A. benci kepada kedamaian

- B. mengasihi sesama manusia kerana Allah
 - C. suka kepada mereka yang banyak memberi derma
 - D. menyokong mereka yang banyak melakukan maksiat
19. Seseorang yang mencapai tahap kamanisan iman akan...

- I. rajin menunaikan solat fardhu
- II. membentuk diri berakhlak mulia
- III. kerap menunaikan haji dan umrah
- IV. mendapat kelazatan melakukan ibadah

- A. I dan II
- B. II dan III
- C. I dan IV
- D. II dan IV



20. Berdasarkan pernyataan di atas, hukum perkahwinan berdasarkan situasi tersebut ialah

- A. Sunat
- B. Wajib
- C. Harus
- D. Makruh

Soalan 20 hingga soalan 40

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.

Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disertakan pada muka surat 11.

21. Iman dari segi bahasa bermaksud_____
22. Iman seseorang boleh bertambah dan berkurangan kerana ianya berkait rapat dengan_____ seseorang.
23. Seseorang yang mencapai tahap_____ iman akan mendapat kelazatan dalam melakukan ibadah.

24. Orang yang mempersendakan syariat Islam akan
 ~~~~~ imannya.
25. Perkahwinan dapat menjauhkan seseorang daripada  
 ~~~~~
26. Mengikut Ahli Sunnah Wal Jamaah, pelaku dosa besar tetap dikira sebagai mukmin tetapi ~~~~~
27. Apakah hukum menceraikan isteri yang solehah : _____
28. Ketika melihat bakal pasangan, masing-masing disunatkan melihat muka dan _____
29. Iman menurut istilah bermaksud mengikrarkan dengan
 ~~~~~, membenarkan dengan hati, dan mengamalkan dengan perbuatan.
30. Suatu pernikahan itu sah apabila rukun-rukunnya disempurnakan iaitu bakal suami, bakal isteri, wali, \_\_\_\_\_ dan akad.
31. Hukum perkahwinan yang bertujuan menzalimi isteri adalah  
 \_\_\_\_\_
32. Hikmah Islam mensyariatkan perkahwinan ialah dapat menjauhkan diri daripada jenayah \_\_\_\_\_ yang boleh mengundang pelbagai penyakit seperti aids dan sipilis.
33. Rasulullah SAW menggalakkan umatnya berkahwin kerana perkahwinan merupakan \_\_\_\_\_ baginda yang afdal untuk diikuti.
34. Hukum melakukan musafir bagi orang yang berkemampuan untuk menunaikan haji dan umrah ke Mekah ialah  
 ~~~~~

Cara mendapatkan kemanisan iman	Mengasihi sesama manusia kerana Allah
	X
	Y

35. X ialah _____
36. Y ialah _____
37. Sering terlibat dengan perbuatan maksiat adalah kesan iman yang _____
38. Pengasas kerajaan Abasiyyah ialah _____
39. Kerajaan Abbasiyah dipimpin oleh seramai _____ orang khalifah.
40. Orang yang melakukan perjalanan musafir boleh melakukan solat secara jamak dan _____

BAHAGIAN B
SOALAN ESEI – SILA JAWAB DALAM KERTAS KAJANG

AYAT KEFAHAMAN (12M)
SURAH AT-TAUBAH AYAT 6


وَإِنْ أَحَدٌ مِنَ الْمُشْرِكِينَ اسْتَجَارَكَ فَأَجِرْهُ حَتَّى يَسْمَعَ كَلِمَ اللَّهِ ثُمَّ
 أَبْلِغْهُ مَأْمَنَهُ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٦﴾

Maksudnya : Dan jika seseorang dari kaum musyrik meminta perlindungan kepadamu (untuk memahami Islam), maka berilah perlindungan kepadanya sehingga ia sempat mendengar keterangan-keterangan Allah (tentang hakikat Islam itu), kemudian hantarlah dia ke mana-mana tempat yang ia beroleh aman. Perintah yang tersebut ialah kerana mereka itu kaum yang tidak mengetahui (hakikat Islam). (Surah al-Taubah : 6)

Ayat di atas memerintahkan umat Islam supaya memberi layanan baik kepada orang bukan Islam. Berdasarkan ayat di atas,

- i. Nyatakan **dua** bentuk layanan tersebut. (2M)
- ii. Jelaskan **dua** kepentingan memberi layanan yang baik kepada mereka. (4M)
- iii. Namakan **dua** pertubuhan yang berperanan membantu orang yang baru memeluk Islam di Malaysia. (2M)
- iv. Terangkan **dua** pengajaran daripada ayat di atas. (4M)

AYAT KEFAHAMAN (10M)
SURAH AT-TAUBAH : AYAT 128-129



Pengertian Ayat:

Sesungguhnya telah datang kepada kamu seorang rasul dari golongan kamu sendiri (iaitu Nabi Muhammad), yang menjadi sangat berat kepadanya sebarang kesusahan yang ditanggung oleh kamu, yang sangat inginkan kebaikan bagi kamu, dia pula melimpahkan perasaan belas serta kasih sayangnya kepada orang beriman.(128) Kemudian jika mereka ingkar maka katakanlah (wahai Muhammad) : Cukuplah bagiku Allah (yang menolong dan memelihara), tiada tuhan (yang berhak disembah) melainkan-Nya. KepadaNya aku berserah diri dan Dialah yang mempunyai arasy yang tinggi.(129)

Ayat diatas menjelaskan tentang kasih sayang Rasulullah s.a.w terhadap umatnya dan tawakal (berserah) baginda dalam berdakwah.

- i. Nyatakan **dua** contoh kasih sayang Rasulullah s.a.w terhadap umatnya.(2M)
- ii. Terangkan **dua** sebab Allah mengutus rasul daripada kalangan manusia. (4M)
- iii. Jelaskan **dua** cara anda mangasihi Rasulullah s.a.w. (4M)

HADIS KEFAHAMAN : (10M)
 Sabda Rasulullah s.a.w.

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ أَخَذَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ بِمَنْكِبِي فَقَالَ كُنْ فِي الدُّنْيَا كَأَنَّكَ غَرِيبٌ أَوْ عَابِرُ سَبِيلٍ وَكَانَ ابْنُ عُمَرَ يَقُولُ إِذَا أَمْسَيْتَ فَلَا تَنْتَظِرِ الصَّبَاحَ وَإِذَا أَصْبَحْتَ فَلَا تَنْتَظِرِ الْمَسَاءَ وَخُذْ مِنْ صِحَّتِكَ لِمَرَضِكَ وَمِنْ حَيَاتِكَ لِمَوْتِكَ

(Riwayat Bukhari)

Hadis di atas menerangkan tentang kehidupan manusia di dunia ini ibarat seorang perantau dan menekankan tentang kepentingan masa kepada manusia.

- Nyatakan **dua** amalan yang sewajarnya dilakukan semasa sihat. (2M)
- Jelaskan **dua** cara pelajar menguruskan masa dengan baik. (4M)
- Terangkan **dua** kebaikan mengurus masa dengan bijak. (4M)

AYAT HAFAZAN (4M)

Lengkapkan potongan ayat di bawah dengan jawapan pilihan yang diberikan. Anda hanya perlu menulis jawapan sahaja.

A	B	C	D	E	F
رَعُوفٌ	عَزِيزٌ	السَّمَوَاتِ	مُبَرَكَهٖ	جَاءَكُمْ	حَرِيصٌ

لَقَدْ — (i) — رَسُولٌ مِّنْ أَنْفُسِكُمْ — (ii) — عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ — (iii) — عَلَيْكُمْ
بِالْمُؤْمِنِينَ — (iv) — رَّحِيمٌ ﴿١٢٨﴾

KEMAHIRAN JAWI. (6M)

Tulis semula petikan d bawah dalam tulisan jawi .

Salah satu sebab doa seseorang tidak dimakbulkan Allah SWT adalah berpunca daripada pengambilan makanan dan minuman yang haram dan memakaipakaian yang tidak menutup aurat.

KEMAHIRAN TAJWID (4M)

Soalan berikut diikuti dengan pilihan jawapan iaitu A dan B

Pilih hukum tajwid yang betul bagi kalimah yang bergaris dibawah.

Anda dikehendaki menulis nombor dan jawapan yang betul (A atau B) sahaja.

NO	Potongan Ayat Al-Quran	Hukum Tajwid	
		A	B
1	وَذَلِكَ الْفَوْزُ الْمُبِينُ	Mad Lin	Mad Aridh Lissukun
2	وَمِنْهُمْ مَّن يَسْتَمِعُ إِلَيْكَ	Idgham Mislain	Idgham Maal Ghunnah
3	فَصَدُّوا عَنْ سَبِيلِهِ إِنَّهُمْ	Mad Silah Towilah	Mad Silah Qasirah
4	لَهُ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ	Mad Jaiz Munfasil	Mad Wajib Muttasil

SOALAN TAMAT

NAMA : _____

TING 5 : _____

KERTAS JAWAPAN UNTUK BAHAGIAN A

1	A	B	C	D	21	_____
2	A	B	C	D	22	_____
3	A	B	C	D	23	_____
4	A	B	C	D	24	_____
5	A	B	C	D	25	_____
6	A	B	C	D	26	_____
7	A	B	C	D	27	_____
8	A	B	C	D	28	_____
9	A	B	C	D	29	_____
10	A	B	C	D	30	_____
11	A	B	C	D	31	_____
12	A	B	C	D	32	_____
13	A	B	C	D	33	_____
14	A	B	C	D	34	_____

15	A	B	C	D
16	A	B	C	D
17	A	B	C	D
18	A	B	C	D
19	A	B	C	D
20	A	B	C	D

35	_____
36	_____
37	_____
38	_____
39	_____
40	_____